



**KENYATAAN MEDIA**  
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA  
30 JULAI 2018

---

**UPM - IRM ANJUR PROGRAM STEM BERSAMA ORANG ASLI**

---

**MUADZAM SHAH** - Seramai 100 orang peserta dari SK Buluh Nipis, pelajar-pelajar sekolah menengah dan golongan dewasa masyarakat Orang Asli di Kampung Buluh Nipis mengikuti program Pengukuhan STEM (*Science, Technology, Engineering & Mathematics*) (Kejuruteraan) Murid Sekolah Orang Asli (STEM - MOA) yang diadakan pada 5–7 Julai 2018 di SK Buluh Nipis.

Program anjuran Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia (IRM), JKKK Buluh Nipis dan SK Buluh Nipis, Muadzam Shah, Pahang itu melibatkan 37 orang barisan pensyarah dan pelajar Fakulti Kejuruteraan UPM.

Turut serta sepanjang program, Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof Madya Dr Khalina Abdan serta Persatuan Guru Cemerlang-STEM yang banyak berkongsi ilmu dan pengalaman untuk inovasi Sains dan Matematik.

Menurut Pengurus Bahagian Program Domestik IRM, Noor Halimahton Sa'adiah Talib, dalam program yang diadakan selama dua hari itu, para peserta didedahkan dengan empat modul Sains dan Matematik seperti Robotik, *junior chef*, Aeroangkasa dan Kebersihan & Keselamatan iaitu taklimat kecemasan bencana tanah runtuh dan penggunaan air bersih.

“Diharapkan melalui program yang dijalankan ini dapat menyuntik semangat khususnya kepada pelajar-pelajar Orang Asli untuk mendalami ilmu Sains & Matematik seterusnya meningkatkan prestasi akademik mereka,” ujar Halimahton lagi.

IRM sebelum ini telah melaksanakan beberapa program bersama komuniti Orang Asli di Kampung Buluh Nipis di bawah projek Pembangunan Komuniti yang menyentuh empat sektor bantuan kemanusiaan; Kehidupan Mampan, Kesihatan, Pendidikan dan Perlindungan.

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Diasaskan di United Kingdom pada tahun 1984, Islamic Relief Worldwide (IR) merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan amal antarabangsa yang bebas dan bukan berpaksikan politik. IR diiktiraf sebagai sebuah badan bukan kerajaan dengan status perundingan khas sejak tahun 1993 oleh Majlis Ekonomi & Sosial PBB (UNECOSOC). IR menyediakan bantuan kemanusiaan dalam pelbagai bidang termasuk bantuan kecemasan, pembangunan mampan sosial bersepadu (termasuk perubatan, pembangunan komuniti, pendidikan, kehidupan, tempat tinggal, psikososial) dan pengurangan risiko bencana. IR membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum, agama, jantina atau kefahaman politik tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Sejak 1984, IR telah berkhidmat di lebih 45 buah negara dan mempunyai rangkaian tetap di lebih 35 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia yang bertanggungjawab untuk menyelaras, menjana dana dan melaksanakan program-program IR.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan penubuhan IRM pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana (bagi projek antarabangsa & tempatan) dan pelaksana projek tempatan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

**MOBILE APPS | IR Malaysia**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin

Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**  
**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W**  
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**  
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)